

UMP sedia penginapan percuma kepada pelajar miskin

PEKAN - Pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) dari-pada golongan asnaf dan anak yatim bakal menikmati penginapan percuma apabila pembinaan Kolej Mawaddah di sini dijangka siap tahun depan.

Pemangku Raja Pahang Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah bertitah, pembinaan kolej kediaman tersebut bakal menyediakan penginapan kepada 220 mahasiswa yang mengikuti pengajian di kampus berkenaan.

"Kolej Mawaddah dibina melalui konsep wakaf bagi membantu golongan yang memer-

lukan. Amalan wakaf seperti ini amat digalakkan oleh Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (Muip)," titah baginda.

Tengku Abdullah yang juga Canselor UMP bertitah demikian ketika berucap merasmikan projek pembinaan Kolej Mawaddah seluas 3,115 meter persegi yang melibatkan kos RM5 juta di UMP di sini semalam.

Pada majlis sama, Tengku Abdullah turut berkenan melantik isteri baginda, Tengku Puan Pahang, Tunku Azizah Aminah

Maimunah Iskandariah Sultan Iskandar sebagai Pro Canselor UMP menggantikan Tan Sri Mohd. Khamil Jamil.

Sementara itu, Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, Muip telah memberi kelulusan kepada UMP untuk memulakan kutipan wakaf bagi pembinaan kolej kediaman itu dengan dana permulaan RM400,000.

"Pembinaan kolej ini lahir daripada rasa prihatin terhadap kekangan kewangan yang dihadapi segelintir pelajar UMP," ujarnya.



TENGKU ABDULLAH (tiga dari kiri) merasmikan projek pembinaan Kolej Mawaddah di UMP. Pekan semalam. Turut berangkat Tunku Azizah Maimunah Iskandariah (tiga dari kanan).